

## PENGUNAAN LAMAN WEB *i-MAJRURAT* SEBAGAI ALAT BANTU MENGAJAR TATABAHASA ARAB

### *i-MAJRURAT* WEBSITE USAGE AS ARABIC GRAMMAR TEACHING AID

Mohammad Najib Jaffar<sup>i</sup> & Aiman Sha'ari<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author), Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.  
najib@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Pembantu Penyelidik, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.  
tukangroyak@yahoo.com

---

#### Abstrak

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui kesan penggunaan web *i-Majrurat* sebagai alat bantu mengajar tatabahasa Arab. Selain itu, ia bertujuan untuk mengetahui tahap pemahaman pelajar Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia tentang pembelajaran tatabahasa Arab melalui laman web *i-Majrurat*. Kajian ini telah dijalankan terhadap 150 pelajar tahun dua program Sarjana Muda Bahasa Arab & Komunikasi di FPBU, USIM. Hasil kajian menunjukkan betapa pentingnya laman web *i-Majrurat* kepada pelajar sebagai alat bantu mengajar tatabahasa Arab untuk mereka. Diharapkan agar dapatan kajian ini dapat memberi implikasi praktikal terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di universiti melalui laman web *i-Majrurat*.

Kata kunci: *i-Majrurat*, tatabahasa Arab, laman web, alat bantu mengajar.

---

#### Abstract

The purposes of this study were to know the effectiveness of using *i-Majrurat* website as Arabic Grammar teaching aid. Besides, this study was to identify the level of understanding Arabic Grammar among students of Faculty of Major Languages Studies at Universiti Sains Islam Malaysia by using *i-Majrurat* website. This study had been carried out among 150 of second year students of Arabic Language and Communication program degree. The result shown the significance of *i-Majrurat* website as Arabic Grammar teaching aid. Hopefully the results of this study may affect the practical implication of teaching and learning Arabic For Religious Purposes at USIM in specific and Malaysia Institutions of Higher Learning in general.

Keywords: *i-Majrurat*, arabic grammar, website, teaching aid.

---

#### PENDAHULUAN

Penguasaan bahasa Arab merupakan asas pemahaman dan penghayatan al-Quran. Ini amat penting kerana penghayatan al-Quran salah satu cara untuk memartabatkan diri seseorang dan ummahnya. Selain itu, penguasaan bahasa Arab juga dapat meningkatkan pencapaian dalam pendidikan agama Islam khususnya dalam Tilawah al-Quran. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab institusi pendidikan untuk memberi didikan kepada pelajar-pelajar untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

Menyedari hakikat inilah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan mata pelajaran bahasa Arab untuk sekolah rendah di mana ianya termasuk dalam komponen program J-QAF. Perkembangan dalam teknologi maklumat dan komunikasi kini telah melahirkan satu cabaran baru dalam dunia pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Usaha-usaha patut dijalankan agar ia turut memanfaatkan revolusi teknologi tersebut yang sedang berlaku dengan pesat agar pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ini tetap

menarik perhatian umum dan menjadi semakin meluas sebagaimana bahasa-bahasa lain di dunia.

### **Teori Pembelajaran Melalui Laman Web**

Pembelajaran melalui laman web ialah pembelajaran secara elektronik atau dikenali sebagai e-Pembelajaran. Ia merupakan kombinasi antara elemen pendidikan dan teknologi elektronik. Kaedah ini membolehkan individu mengikuti sesi pembelajaran secara lebih terbuka dan bebas berdasarkan keinginan dan keupayaan sendiri tanpa perlu mengikuti jadual atau menghadiri kelas yang ditetapkan.

Pembelajaran elektronik sebegini memerlukan kepada penyediaan kelengkapan dan peralatan tertentu seperti komputer, talian telefon, internet dan sebagainya. e-Pembelajaran memerlukan rangkaian komputer (*computer networking*). Sistem rangkaian komputer ini menjadikan suasana pembelajaran lebih kreatif, menarik serta mudah kerana para pengguna mampu berkongsi maklumat yang terkandung dalam rangkaian tersebut. Pembelajaran dalam bentuk begini juga mampu menggabungkan media penyampaian dalam pelbagai format meliputi teks, audio, grafik, animasi dan penggunaan video dengan aplikasi teknologi terkini untuk menghasilkan sesuatu pengajaran. Rangkaian antara peralatan-peralatan tersebut dan alat telekomunikasi membolehkan pengguna yang berada pada kedudukan taburan geografi yang pelbagai mampu berkongsi manfaat.

Menurut Bullen M (2001), penggunaan laman web (www) mula diperkenalkan sejak lebih lima belas tahun yang lalu, tetapi penggunaan alat telekomunikasi dalam pembelajaran bermula sejak kira-kira sembilan tahun yang lalu. Menurut Dodge (1996), setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Kajian yang dijalankan oleh P.J Philips di Universiti Texas pada tahun 1950 berhubung dengan perkaitan antara ingatan dan cara sesuatu maklumat disampaikan. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting dan bermanfaat kerana ia dapat menggalakkan aktiviti yang pelbagai untuk memastikan keberkesanan proses tersebut secara maksimum.

Antara teori yang mendasari pembelajaran melalui laman web ialah teori Dick dan Carey (Rapidah, 2002). Mengikut teori ini proses pengajaran bermula daripada pengetahuan subjek terus kepada objektif, diikuti oleh struktur pelajaran, penaksiran dan kemudian maklum balas penilaian. Kesemua perancangan pengajaran ini membolehkan proses pengajaran menjadi lebih efektif dan sesuai dengan objek pendidikan terkini. Teori ini berasaskan pendekatan sistematik yang melibatkan pembinaan strategi pengajaran serta membina dan memilih bahan pengajaran yang bersesuaian.

Bruner pula telah memperkenalkan 4 model pedagoginya seperti berikut:

- i. Kanak-kanak adalah pelajar yang suka mencontohi.
- ii. Kanak-kanak belajar melalui pendedahan didaktik.
- iii. Kanak-kanak sebagai pemikir.
- iv. Kanak-kanak adalah berpengetahuan.

Keempat-empat model ini bersesuaian dengan penggunaan ICT atau laman web sebagai bahan pembelajaran mereka (Rapidah, 2002).

Kesimpulannya, kerangka teori-teori yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa teknologi moden seperti laman web yang mampu melibatkan pelajar secara lebih meluas dan berkesan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran amat perlu diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa Arab bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa ini.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Tatabahasa Arab ialah asas untuk mewujudkan Bahasa Arab yang indah dan mudah difahami ketika menggunakannya. Dengan ini, ia akan dapat membentuk dan mewujudkan gaya dan laras bahasa yang tersendiri kepada Bahasa Arab. Untuk itu, setiap tatabahasa itu mestilah tepat, lengkap dan mudah difahami serta dapat menggambarkan kebolehan dalaman penutur jati. Tatabahasa Arab sebenarnya sebagai rujukan kepada peraturan atau hukum Bahasa

Arab. Dengan adanya tatabahasa Arab akan menentukan Bahasa Arab itu dapat berfungsi dengan baik, berkesan, atau sebaliknya.

Dalam tatabahasa Arab terdapat empat pembahagian iaitu yang dinamakan *marfu'at*, *mansubat*, *majrurat* dan *majzumat*. Kesemua pembahagian ini mempunyai keterangan yang panjang dan berbeza. Oleh yang demikian, pengkaji hanya memilih satu daripada pembahagian-pembahagian tatabahasa Arab tersebut iaitu pembahagian *majrurat* sebagai bahan kajian. Secara mudahnya *majrurat* ialah perkataan yang dibaca dengan baris bawah pada huruf terakhirnya disebabkan beberapa faktor. Dalam kajian yang dibuat, pengkaji cuba menggabungkan dua elemen iaitu ilmu bahasa Arab dan teknologi masa kini untuk memudahkan para pelajar mengambil manfaat yang lebih darinya. Hasilnya tertubuhlah laman web yang dinamakan i-Majrurat.

Penubuhan laman web i-Majrurat ini adalah disebabkan beberapa faktor antaranya:

#### **a. Buku Rujukan Yang Digunakan Tidak Sesuai Dengan Pelajar**

Penyelidik melihat kebanyakan pelajar gagal dalam memahami bahasa arab dengan sempurna disebabkan kurangnya penekanan kepada tatabahasa Arab itu sendiri lebih-lebih lagi dalam *majrurat* walaupun mereka telah belajar bertahun-tahun perkara-perkara tersebut melalui buku-buku rujukan dan penjelasan daripada guru-guru mereka. Tambahan pula bahan rujukan yang mereka guna hanya menerangkan tatabahasa Arab itu melalui tulisan dan keterangan semata-mata sahaja dan mereka tidak mengetahui bahan bacaan yang sesuai untuk mereka rujuk kerana terdapat banyak buku-buku tatabahasa Arab yang berbeza-beza tahapnya.

#### **b. Tanggapan Bahasa Arab Itu Rumit**

Laman web i-Majrurat sebenarnya ditubuhkan untuk menarik minat pelajar mempelajari bahasa Arab. Mempelajari bahasa Arab melalui laman web ini akan membuka minda pelajar bahawa mempelajari bahasa Arab itu sangat mudah dan menarik. Ini kerana, sebelum ini kita diajar bahawa untuk dapatkan ilmu mesti dengan membaca buku. Tanggapan ini kurang tepat kerana dizaman teknologi sekarang, bahan bacaan bukan sahaja buku tetapi lebih daripada itu seperti pdf, facebook, laman web dan lain-lain lagi.

Kesemua ini ialah bacaan yang boleh memberikan kita ilmu dan untuk menggunakannya perlu diakses melalui capaian internet. Dengan adanya teknologi ini, kita perlu mengambil peluang untuk meluaskan sistem pembelajaran bahasa Arab kepada masyarakat. Tambahan pula, penguatkuasaan tidak terhad kepada golongan tertentu.

#### **c. Isi Kandungan Perisian Sesetengah Laman Web Kurang Sesuai**

Kebanyakan laman web yang ada sekarang menjelaskan sesuatu secara mendalam dan menggunakan perkataan yang susah dan tinggi. Bagi pelajar yang masih diperingkat awal, laman web tersebut tidak sesuai dan mungkin tidak mendatangkan manfaat langsung kepada mereka. Hal ini disebabkan isi kandungan tersebut khusus untuk mereka yang sudah memahami tatabahasa yang pada peringkat awal.

Seseorang pelajar perlu mengetahui tahap kebolehan yang ada padanya untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Disebabkan demikian, dibina laman web i-Majrurat yang berbeza dengan laman web-laman web lain dari segi penyampaian bahan. Ia sesuai untuk semua peringkat samaada yang belum pandai bahasa Arab dan atau yang sudah pandai Bahasa Arab.

#### **Perbezaan Web i-Majrurat Dengan Web-Web Lain**

Terdapat perbezaan antara laman web i-Majrurat dengan laman web-laman web lain antaranya:

##### **a. Isu Kandungan Perisian**

*Majrurat* ini sebenarnya hanya menfokuskan kepada sesebuah perkataan yang dibaca dengan baris bawah. Keterangan tentangnya dalam laman web ini diterangkan dalam bentuk yang mudah seperti menggunakan audio, paparan dan gambar rajah disamping video, permainan

bahasa Arab dan latihan sebagai tambahan. Ia amat sesuai kepada orang awam lebih-lebih lagi pelajar jurusan bahasa Arab dan agama kerana ia bersifat ilmiah, pembelajaran secara sendiri dan keterangan yang terdapat didalamnya mudah difahami.

Sebagai contoh, terdapat video yang menjelaskan beberapa faktor yang menyebabkan sesebuah perkataan itu dibaca secara *majrur* atau baris bawah. Dalam laman web ini juga terdapat latihan bahasa Arab dalam bentuk permainan yang perlu dijawab oleh pelajar. Jadi, penyelidik melihat keperluan adanya suatu pembelajaran yang mampu menarik pelajar mempelajari bahasa arab dalam keadaan seronok.

### **b. Isi Yang Kurang Penting Dimasukkan**

Laman web i-Majrurat ini, berbeza dengan sesetengah laman web bahasa Arab yang lain kerana sesetengah laman web tersebut menghuraikan kesemua pembahagian tatabahasa Arab sehingga menyebabkan terdapat isi-isi yang kurang penting dimasukkan ke dalamnya. Ini akan menyebabkan pelajar akan disibukkan dengan isi-isi yang kurang penting dan fikiran pelajar akan jadi celaru dengan isi-isi yang banyak. i-Majrurat hanya memaparkan isi-isi yang penting yang dapat membantu para pelajar memahami tatabahasa Arab pada peringkat asas. Tambahan pula isi-isi keterangan *majrurat* dipelbagaikan dalam pelbagai bentuk yang mudah difahami.

Di samping itu, sesetengah laman web hanya menfokuskan tatabahasa Arab dari segi definisi, huraian dan contoh dalam bentuk tulisan sahaja tanpa ada grafik atau video. Mereka menganggap dengan adanya definisi, huraian dan contoh kemudian akan dihafal oleh pelajar akan memberikan kefahaman yang mendalam tentang tatabahasa Arab. Perlu diketahui bahawa hafalan tidak semestinya akan memberikan kefahaman kepada seseorang kerana hafalan akan hilang bila-bila masa tetapi kefahaman akan kekal sampai bila-bila. Antara cara yang diaplikasikan oleh i-Majrurat untuk memberikan kefahaman kepada para pelajar ialah dengan menyediakan gambar rajah. Sebagai contohnya, terdapat gambar rajah yang menerangkan pembahagian-pembahagian kecil *majrurat*.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Pembelajaran bahasa Arab melalui laman web i-Majrurat merupakan satu proses pembelajaran yang perlu diterapkan dalam konteks masyarakat Malaysia berdasarkan objektif-objektif berikut:

#### **Kepentingan Pembahagian *Majrurat* Berbanding Pembahagian Yang Lain**

Penggunaan *majrurat* dalam bahasa Arab amat banyak walaupun pembahagiannya lebih sedikit daripada *marfu'at* dan *mansubat*. Tetapi bila diteliti kita dapati bahawa dalam membina ayat, kita akan menggunakan *majrurat* walaupun ia bukan komponen jumlah. Ini menunjukkan *majrurat* sama dengan pembahagian i'rab yang lain. Jadi, tidak salah kalau pengkaji mengatakan *majrurat* mesti dipelajari terlebih dahulu berbanding pembahagian i'rab yang lain.

Buktinya setiap kali kita membaca mana-mana surah kita akan mulakan dengan bacaan basmalah. 5 perkataan yang terdapat dalam basmalah kesemuanya berkaitan dengan *majrurat* iaitu dibaca dengan baris bawah. Tambahan pula, kita sering mengulang-ulang bacaan *basmalah* sama ada dalam solat atau di luar solat. Alangkah baiknya kita mengetahui tatabahasa perkataan yang kita sebut. Di sana banyak lagi contoh-contoh perkataan yang dibaca dengan *majrur*.

#### **Penggunaan Laman Web i-Majrurat Membantu Memahami Tatabahasa Arab Yang Lain**

Dalam laman web i-Majrurat ini, kita dapati bahawa ia bukan sahaja menerangkan apa itu *majrurat* sebaliknya, ia cuba mengajar kita lebih daripada satu perkara. Dengan mempelajari tatabahasa Arab melalui laman web ini, kita akan didedahkan dengan apa itu *majrurat*, cara untuk dipraktikkan dalam ayat bahasa Arab dan menjelaskan juga tatabahasa Arab yang lain seperti *marfu'at*, *mansubat* dan *majzumat* melalui perisian yang terdapat dalam laman web tersebut seperti terdapatnya video kartun yang bercakap dalam bahasa Arab.

Dengan ini, kita bukan hanya akan memahami *majrurat* sahaja tetapi kita juga akan memahami keseluruhan pembahagian-pembahagian tatabahasa Arab. Video bahasa sangat

membantu kita dalam mempertingkatkan penguasaan bahasa Arab seseorang pelajar melalui sebutan yang dituturkan.

### **Mengetahui Majrurat Secara Lebih Terperinci**

Pelajar perlu menghafal serta memahami semua pembahagian yang terdapat didalam Tatabahasa Arab. Ini kerana untuk mempraktikkan tataahasa dalam bahasa Arab, pelajar perlu mengingat pengertian, pembahagian-pembahagian kecil, kaedah-kaedah dan keterangan-keterangannya. Ini akan membantu pelajar lebih memahami teks Arab berbanding mereka yang tidak menghafal.

Sebagai contoh, dalam *majrurat* terdapat 10 huruf *jarr* yang menyebabkan perkataan selepasnya dibaca secara *majrur*. Setiap huruf *jarr* atau kata adjektif mempunyai makna yang bebeza dan setiap satu huruf *jarr* mempunyai beberapa makna dan keterangan tertentu. Pelajar yang memahami perkara-perkara tersebut secara terperinci akan lebih memahami teks yang dibaca berbanding pelajar yang tidak mengetahui hal tersebut. Sedikit kesilapan yang berlaku dalam bahasa Arab walaupun satu akan mengundang kepada kesilapan dalam memahami teks tersebut.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan satu kajian kes mengenai penggunaan laman web i-Majrurat berasaskan laman web sebagai alat bantu mengajar. Kajian ini akan membincangkan beberapa perkara mengenai rekabentuk kajian, responden kajian, alat kajian, tatacara pengumpulan data dan tatacara penganalisaan data.

Kajian ini adalah berbentuk satu kajian eksperimen. Bentuk kajian ini dipilih kerana pengkaji mudah mengumpulkan maklumat serta dapat menumpukan lebih perhatian terhadap kajian yang dilakukan. Dengan menggunakan laman web dalam pengajaran tatabahasa Arab sebagai alat bantu mengajar ke atas 150 orang pelajar sebagai responden kajian, pengkaji akan melihat sejauh mana kefahaman pelajar tentang laman web i-Majrurat. Soalan ujian diberikan untuk mendapatkan pencapaian prestasi pelajar dalam tajuk ini. Seramai 150 orang pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab tahun dua, Fakulti Pengajian Bahasa Utama terlibat dalam kajian ini.

Sampel kajian adalah terdiri daripada 150 orang pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab tahun dua Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM. Kesemua sampel yang dipilih telah mempunyai pengetahuan sedia ada yang baik dalam penguasaan bahasa Arab. Pemilihan pelajar tahun dua kerana mereka telah belajar mata pelajaran Nahu Gunaan semasa semester 3. Jadi, mereka sudah mempunyai serba sedikit tentang *majrurat*.

Satu instrumen kajian akan digunakan dalam kajian ini. Ia merupakan satu set soalan yang mengandungi 20 soalan mengenai tajuk yang dikaji. Soalan ujian ini akan memberikan maklumat mengenai keputusan markah dan gred pelajar. Keputusan ini akan digunakan untuk melihat prestasi pencapaian pelajar di peringkat awal. Jantina pelajar akan diambil kira untuk melihat sama ada ianya mempengaruhi kebolehan pelajar memberikan jawapan. Satu set soal selidik yang mengandungi 20 soalan juga telah untuk mendapatkan hasil berkenaan pengajaran dan pembelajaran i-Majrurat berasaskan laman web. Soal selidik ini digunakan untuk menilai pendapat serta pandangan pelajar mengenai pengajaran dan pembelajaran.

Pengumpulan data telah dijalankan oleh penyelidik terhadap mereka di Dewan Kuliah Utama Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Maklumat mengenai kajian soal selidik ini yang didapati daripada setiap pelajar adalah bertujuan untuk melihat peratus keupayaan pelajar mengenai *majrurat*. Maklumat ini juga berguna untuk mencari hubungan antara pemahaman pengajaran berasaskan laman web dengan prestasi pelajar.

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui pengedaran borang kaji selidik untuk mengkaji sejauh mana pelajar yang betul-betul memahami pembelajaran berasaskan laman web boleh meningkatkan prestasi mereka dalam mata pelajaran tatabahasa bahasa Arab terutamanya dalam pembahagian *majrurat*.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dalam topik ini, penyelidik akan membentangkan dapatan soal selidik yang diedarkan kepada 150 orang pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Dan Komunikasi di USIM yang terdiri daripada pelajar tahun dua untuk mengenalpasti apakah keperluan dan kehendak mereka dalam mempelajari bahasa Arab melalui laman web *i-Majrurat*. Dapatan soal selidik tersebut adalah seperti berikut:

**Jadual 1: Memahami tatabahasa Arab dengan lebih mendalam melalui laman web i-Majrurat**

|                     | Frekuensi | Peratus |
|---------------------|-----------|---------|
| Sangat Tidak Setuju | -         | -       |
| Tidak Setuju        | -         | -       |
| Setuju              | 47        | 31.3    |
| Sangat Setuju       | 103       | 68.7    |
| Jumlah              | 150       | 100     |

Jadual di atas menunjukkan tahap pemahaman tatabahasa Arab melalui laman web *i-Majrurat* dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Dan Komunikasi. Jumlah responden yang sangat bersetuju adalah sebanyak 68.7% dan sebanyak 31.3% jumlah responden yang bersetuju. Dapat disimpulkan bahawa pembelajaran bahasa Arab melalui laman web *i-Majrurat* merupakan wasilah untuk memahami tatabahasa Arab.

**Jadual 2: Penggunaan laman web i-Majrurat mampu membantu pelajar menguasai bahasa Arab**

|                     | Frekuensi | Peratus |
|---------------------|-----------|---------|
| Sangat Tidak Setuju | -         | -       |
| Tidak Setuju        | -         | -       |
| Setuju              | 42        | 28      |
| Sangat Setuju       | 108       | 72      |
| Jumlah              | 150       | 100     |

Jadual di atas menunjukkan 28% responden bersetuju dengan penggunaan laman web *i-Majrurat* mampu membantu pelajar menguasai bahasa Arab. Manakala sebanyak 72% responden sangat bersetuju dengan penggunaan laman web tersebut dapat membantu pelajar menguasai bahasa Arab.

**Jadual 3: Menjadi lebih komited untuk belajar tatabahasa Arab melalui laman web i-Majrurat**

|                     | Frekuensi | Peratus |
|---------------------|-----------|---------|
| Sangat Tidak Setuju | -         | -       |
| Tidak Setuju        | 2         | 1.3     |
| Setuju              | 68        | 45.3    |
| Sangat Setuju       | 80        | 53.4    |
| Jumlah              | 150       | 100     |

Jadual di atas menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan adanya laman web *i-Majrurat* akan menjadikan pelajar lebih komited untuk belajar tatabahasa Arab di mana sebanyak 53.4% responden sangat bersetuju dan 45.3% responden bersetuju dengan tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat 1.3% responden tidak bersetuju dengan alasan tersebut. Kemungkinan mereka merasakan dengan adanya laman web *i-Majrurat* tidak semestinya menjadikan seseorang pelajar itu lebih komited untuk belajar tatabahasa Arab.

**Jadual 4: Memahami salah satu bahagian utama tatabahasa Arab iaitu *al-Majrurat* melalui laman web i-Majrurat dengan lebih mendalam**

|                     | Frekuensi | Peratus |
|---------------------|-----------|---------|
| Sangat Tidak Setuju | 1         | 0.7     |
| Tidak Setuju        | 13        | 8.7     |
| Setuju              | 89        | 59.3    |
| Sangat Setuju       | 47        | 31.3    |
| Jumlah              | 150       | 100     |

Jadual di atas menunjukkan 59.3% responden bersetuju dan 31.3% responden lagi sangat bersetuju dengan keperluan mereka melayari laman web i-Majrurat adalah untuk memahami salah satu utama bahagian tatabahasa Arab iaitu *al-Majrurat* dengan lebih mendalam. Walaubagaimanapun, terdapat 8.7% responden tidak bersetuju manakala 0.7% responden lagi sangat tidak bersetuju dengan tujuan tersebut. Dapat disimpulkan bahawa dengan kewujudan laman web i-Majrurat ia akan memberikan kefahaman pelajar tentang salah satu bahagian utama tatabahasa Arab iaitu *al-Majrurat* dengan lebih mendalam.

**Jadual 5: Menjadi pelajar bahasa yang mahir teknologi pembelajaran melalui penerapan laman web i-Majrurat**

|                     | Frekuensi | Peratus |
|---------------------|-----------|---------|
| Sangat Tidak Setuju | -         | -       |
| Tidak Setuju        | 7         | 4.7     |
| Setuju              | 95        | 63.3    |
| Sangat Setuju       | 48        | 32      |
| Jumlah              | 150       | 100     |

Jadual di atas menunjukkan responden yang bersetuju dengan penerapan laman web i-Majrurat tersebut dapat menjadikan pelajar bahasa yang mahir teknologi pembelajaran adalah sebanyak 63.3% manakala sebanyak 32% responden sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat 4.7% responden tidak bersetuju dengan alasan tersebut berkemungkinan disebabkan tidak mempunyai kecenderungan dan minat dalam aplikasi teknologi pembelajaran.

**Jadual 6: Penguasaan tajuk *al-Majrurat* sebahagian daripada kejayaan pelajar bahasa Arab**

|                     | Frekuensi | Peratus |
|---------------------|-----------|---------|
| Sangat Tidak Setuju | -         | -       |
| Tidak Setuju        | 3         | 2       |
| Setuju              | 55        | 36.7    |
| Sangat Setuju       | 92        | 61.3    |
| Jumlah              | 150       | 100     |

Jadual di atas menunjukkan sebanyak 61.3% responden sangat bersetuju dengan penguasaan tajuk *al-majrurat* sebahagian daripada kejayaan pelajar bahasa Arab manakala sebanyak 36.7% responden bersetuju dengan tujuan tersebut. Walaubagaimanapun, terdapat 2% responden tidak bersetuju dengan alasan tersebut.

**Jadual 7: Mengetahui contoh-contoh ayat Al-Quran dan Hadis yang mengandungi *al-Majrurat* melalui laman web i-Majrurat**

|                     | Frekuensi | Peratus |
|---------------------|-----------|---------|
| Sangat Tidak Setuju | -         | -       |
| Tidak Setuju        | 1         | 0.7     |
| Setuju              | 47        | 31.3    |

|               |     |     |
|---------------|-----|-----|
| Sangat Setuju | 102 | 68  |
| Jumlah        | 150 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan sebanyak 68% responden sangat bersetuju dengan kenyataan bahawa pelajar akan mengetahui contoh-contoh ayat al-Quran dan hadis yang mengandungi *al-majrurat* melalui laman web i-Majrurat. Jumlah responden yang bersetuju dengan tujuan tersebut adalah sebanyak 31.3% manakala jumlah responden yang tidak bersetuju dengan alasan tersebut adalah sebanyak 0.7%. Dapat disimpulkan bahawa dengan adanya i-Majrurat pelajar dapat mengetahui contoh-contoh ayat al-Quran dan hadis selari dengan integrasi ilmu naqli dan aqli.

## PENUTUP

Konklusinya, penggunaan laman web i-Majrurat boleh dijadikan sebagai alat bantu mengajar tatabahasa Arab. Antara dapatan kajian yang diperolehi hasil pengedaran borang kaji selidik dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Dan Komunikasi di USIM ialah majoriti pelajar bersetuju bahawa mereka dapat memahami tatabahasa Arab dengan lebih mendalam melalui laman web i-Majrurat.

Selain itu, dengan pembelajaran melalui i-Majrurat, pelajar akan terbiasa dengan teknologi pembelajaran kerana ia diakses melalui rangkaian internet. Dengan itu, ia boleh diakses pada bila-bila masa tanpa mengira waktu. Oleh yang demikian, diharapkan agar laman web-laman web berkaitan dengan tatabahasa Arab dapat diperbanyakkan selaras dengan perkembangan teknologi semasa.

## BIBLIOGRAFI

- Asni. 2002. *Kertas kerja 'Pembelajaran Elektronik (E-Learning) Satu Pertukaran Paradigma: Internet Dalam Pengajaran dan Pembelajaran' pada Persidangan Kebangsaan Mengenai Pendidikan ICT 2000, Kuala Terengganu.*
- Bullen, M. 2001. *E-Learning And The Internalization of Education.* Malaysian Journal of Educational Technology, 1 (1).
- Dodge, B. 1996. Active Learning On The Web (K-12 Version). [on-line]. Available: [http://edweb.sdu.edu/people\\_bdodge/active/ActiveLearn9ngk-12.html](http://edweb.sdu.edu/people_bdodge/active/ActiveLearn9ngk-12.html) (2015, August 10, 0925am)
- Rapidah Hamzah. 2002. *Kesan Pembelajaran Berasaskan Laman Web Terhadap Miskonsepsi Pelajar Tentang Konsep Pembahagian Sel. Kertas Projek, 37-43.* Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Active Learning On The Web (K-12 Version). [http://edweb.sdu.edu/people\\_bdodge/active/ActiveLearn9ngk-12.html](http://edweb.sdu.edu/people_bdodge/active/ActiveLearn9ngk-12.html) (2015, April 10, 0925am)
- Sains. <http://www.sains.com.my/web/jit/j01-4/epembelajaran.html> (diakses pada 28 Januari 2016)
- Ebelajar. <http://www.geocities.com/ebelajar2002/bahan.html> (diakses pada 28 Disember 2015).